

24 JUN 2003

Syed Hamid-Eropah (Bergambar)

JURANG DI ANTARA EROPAH DAN TIMUR SATU REALITI YANG PERLU DIAKUI

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Jurang dan perbezaan dalam pelbagai hal di antara Timur dan Eropah adalah suatu realiti yang perlu diakui oleh semua pihak, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata realiti ini memang wujud dan perlu dibangkitkan bagi mengurangkan perbezaan yang sedia wujud sebegitu lama.

"Jurang di antara Eropah dan Timur adalah suatu realiti yang wujud...untuk menyelesaikan perkara itu ia tidak boleh hanya disapu di bawah permaidani.

"Perkara itu perlu dipercakapkan...bila dipercakapkan baru boleh kita mencari bidang-bidang yang akan dapat merapatkan dan mengurangkan perbezaan di antara kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri dialog Program Serantau Malaysia anjuran firma perunding Padday Schubert Sdn Bhd di sini.

Syed Hamid berkata ucapan Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno Khamis lepas yang menyentuh mengenai bangsa Eropah telah dibangkitkan dalam dialog ini dan beliau memberitahu peserta yang hadir pentingnya hakikat ini diakui oleh semua pihak.

Dialog setengah hari itu dihadiri oleh duta dan pesuruhjaya asing serta ketua-ketua eksekutif syarikat asing yang berpangkalan di sini.

Dalam ucapannya di perhimpunan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad antara lain berkata sejarah telah menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi negara bermula dengan kehadiran bangsa Eropah di sini kerana sebelum kedatangan mereka, semua orang menikmati kehidupan bahagia di Malaysia yang telah menarik pelawat dari serata pelusuk dunia.

Beliau turut memberi peringatan bahawa kegagalan Malaysia mengenali bangsa Eropah akan menyukarkan persediaan dan strategi kerajaan untuk menyelamatkan negara dan mereka turut mempunyai pandangan berbeza berhubung pelbagai isu termasuk sosial, agama budaya dan perdagangan.

Dr Mahathir turut menngghurai mengenai kegemaran bangsa Eropah untuk berperang serta peranan yang dimainkan oleh mereka untuk membentuk negara Israel dengan mengorbankan kepentingan rakyat Palestin.

Syed Hamid berkata beliau turut menyatakan bahawa Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di Evian Perancis hujung bulan lepas adalah satu perbincangan yang mewujudkan manfaat dalam membantu merapatkan jurang antara Eropah dan Timur yang diwakili oleh negara-negara membangun.

"Oleh kerana secara langsung mereka dapat mendengar pandangan dan pendapat daripada negara-negara membangun dalam interaksi antara negara-negara G8 dengan negara membangun atau Selatan," katanya.

Syed Hamid berkata dalam dialog hari ini ada pendapat yang menjurus kepada menyalahkan rakyat Palestin dalam konflik di Asia Barat.

"Saya kata mangsa dalam hal ini adalah Palestin...Amerika tak boleh nampak pro-Israel. Dia (Amerika Syarikat) mesti nampak sebagai hakim yang adil dan saksama untuk capai kedamaian," kata Syed Hamid.

Syed Hamid berkata beliau turut memberitahu peserta dialog itu bahawa kepelbagaian yang wujud di negara ini digunakan sebagai kekuatan membina Malaysia.

-- BERNAMA

RV KHY ZB